

CIRI-CIRI KEPIMPINAN ISLAM, HUBUNGANNYA TERHADAP KOMITMEN ORGANISASI

CHARACTERISTICS OF ISLAMIC LEADERSHIP, ITS RELATIONSHIP TO ORGANIZATIONAL COMMITMENT

Dzulfida A Razak¹
Muhammad Nasri Md. Hussain²
Abdullah Abdul Ghani³

¹Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,
(E-mail: dzulfida_a@oyagsb.uum.edu.my)

²Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,
(E-mail: mnasri@uum.edu.my)

³Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,
(E-mail: abd129@uum.edu.my)

Article history

Received date : 31-7-2020
Revised date : 1-8-2020
Accepted date : 4-10-2020
Published date : 8-10-2020

To cite this document:

A.Razak,D., Md. Hussain, M.N., & Abdul Ghani, A.
(2020). Ciri-Ciri Kepimpinan Islam, Hubungannya
Terhadap Komitmen Organisasi. *International Journal
of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3
(13), 1 - 15.

Abstrak: Ciri-ciri kepimpinan Islam merupakan konstruk penting seorang pengetua kerana ia mempunyai hubungan dengan komitmen organisasi. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah agama dari rangkaian NGO IKRAM Musleh. Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data. Soal selidik dibina berdasarkan buku 'Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam', karangan Abdullah Naseh Ulwan. Manakala instrumen komitmen organisasi pula menggunakan soal selidik 'Organizational Commitment Questionnaires' (OQC) oleh Mowday, Porter dan Steers (1982) yang mengandungi 22 soalan. Kaedah analisis deskriptif dan statistik inferen digunakan untuk melihat tahap pemboleh ubah bersandar komitmen organisasi, pemboleh ubah tidak bersandar ciri-ciri kepimpinan Islam dan hubungannya terhadap komitmen organisasi. Keputusan menunjukkan terdapat hubungan diantara ciri-ciri kepimpinan Islam terhadap komitmen guru-guru. Tiga konstruk ciri-ciri kepimpinan Islam yang digunakan merupakan asas untuk memperkukuhkan hubungan pengetua dengan Allah SWT dan juga hubungan dengan manusia. Hasil dari penemuan ini pemegang taruh sekolah akan dapat merancang program pengukuhan untuk memelihara kewibawaan pengetua.

Kata kunci: Ciri-Ciri Kepimpinan Islam, Komitmen Organisasi

Abstract: The characteristics of Islamic leadership are an important construct of a principal because it has a relationship with organizational commitment. This study was conducted in a religious secondary school from the NGO network IKRAM Musleh. This quantitative study uses a questionnaire instrument to collect data. The questionnaire was built based on the book 'Education of Children in Islam', by Abdullah Naseh Ulwan. The organizational commitment

instrument used the 'Organizational Commitment Questionnaires' (OQC) questionnaire by Mowday, Porter and Steers (1982) which contained 22 questions. Descriptive and inferential statistical analysis methods were used to look at the level of organizational commitment dependent variables, independent variables of Islamic leadership characteristics and their relationship to organizational commitment. The results show that there is a relationship between the characteristics of Islamic leadership to the commitment of teachers. The three constructs of the characteristics of Islamic leadership used are the basis for strengthening the principal's relationship with Allah SWT and also the relationship with human beings. As a result of this finding, school stakeholders will be able to design a consolidation program to maintain the authority of the principal.

Keywords: *Characteristics of Islamic Leadership, Organizational Commitment*

Pengenalan

Islam merupakan agama rahmatan lil 'alamin yang membawa keberkatan ke seluruh alam. Seluruh urusan kehidupan insan di dunia dan akhirat disusun untuk mencapai tujuan utama risalah Islam, ianya termasuklah juga dengan urusan kepemimpinan. Kepimpinan, tidak kira sama ada ianya dari segi ukuran, kategori atau gaya kepemimpinannya ianya terkait dengan dayausaha untuk mencapai maqasid risalah Islam. Di dalam membincangkan tujuan kepemimpinan ianya tidak akan dapat menyimpang daripada membicarakannya dalam konteks dunia moden sekarang, kerana begitu sukar sekali untuk mencari pemimpin yang unggul di akhir zaman ini (F, A, Wijokongko, & Al-, 2020).

Kebanyakan ahli akademik dan pemimpin organisasi semasa sentiasa akan meneroka gaya kepemimpinan, dan pendekatan kepimpinan yang boleh diguna pakai di setiap bidang. Namun, untuk mencari gaya kepimpinan yang sesuai bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia perlu berdasarkan pengalaman dan juga sesuai dengan kes serta tempatnya. (Rafiki, 2020b).

Manakala di bidang pendidikan pula persekitaran sekolah, masyarakat, dan di dunia yang sentiasa berubah serta mencabar telah mengharuskan keperluan pemimpin pendidikan untuk menyesuaikan diri, dinamik dan inovatif. Pemimpin pendidikan harus membentuk semula diri, menjadi jambatan antara komuniti sekolah dan masyarakat, dan mewujudkan visi untuk sekolah mereka (Abbas & Tan, 2019).

Memimpin melibatkan proses merancang, menguatkuasakan, membimbing, mentadbir, menggubal polisi, mengurus, kebertanggungjawaban, memandu, menuntun, menunjuk, mempengaruhi, mengajak, mendidik, mengajar ahli kearah mencapai matlamat melalui peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT. Ringkasnya kemampuan memimpin adalah merupakan suatu seni, bakat, proses dan kreativiti (Mahyuddin, 2018).

Pengurusan merancang adalah urusan mengatur, kakitangan, motivasi dan kawalan yang sistematik perlu menggunakan kaedah yang berbeza untuk mencapai matlamat organisasi. Kaedah ni merupakan amalan biasa pengurusan, tetapi persoalannya di sini. ciri-ciri apakah di dalam amalan pengurusan yang akan menepati kehendak Islam di dalam pengurusan. Kepemimpinan merupakan aspek yang tidak terpisah dari pengurusan Islam. Sesebuah organisasi itu sama ada kecil atau besar, organisasi sosial atau komersial perlu memastikan memiliki kemahiran kepimpinan yang baik demi untuk mencapai pembangunan pengeluaran

bagi kesejahteraan manusia yang mampan. Sumbangan kepimpinan yang ketara berlaku terutamanya pada masa anjakan perubahan organisasi (Gazi, 2020).

Perspektif kepemimpinan Islam bukan sekadar retorik melalui ucapan, teks dan wacana malah ia merupakan personaliti yang memiliki prinsip kepimpinan, nilai serta amalan kepimpinan menepati Al quran dan As sunnah Rasulullah SAW . Ciri-ciri kepimpinan merupakan sifat yang mempengaruhi sikap, tatakelakuan, tingkah laku dan gaya kepimpinan (Shah, 2016).

Oleh kerana kepemimpinan adalah bahagian penting dalam kehidupan seharian, Islam telah menetapkan garis panduan untuk proses sosial ini. Nabi Muhammad SAW telah menjelaskan bahawa kepemimpinan yang baik adalah tertakluk kepada keadaan dan tidak dikhaskan untuk golongan elit kecil. Baginda menggambarkan pemimpin itu sebagai pengasuh dan penjaga ketika dia menggunakan metafora ‘gembala’ bagi mereka yang menduduki kedudukan kepemimpinan untuk apa juga keadaan pun (Alabed, 2017) .

Ibn 'Omar melaporkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

"Kamu semua adalah gembala dan kamu masing-masing bertanggung jawab atas kawanannya. Amir (pemimpin) suatu kaum adalah gembala dan dia bertanggung jawab atas kawanannya .."

Sahih Al-Albani; Al-Adab Al-Mufrad 206

Kajian akan memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan Islam berdasarkan kepada Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Ulwan (1990) menyatakan bahawa lima hasil daripada pendidikan Islam adalah menghasilkan pemimpin yang mempunyai enam ciri iaitu (1) Taqwa, (2) Ukhuwah, (3) Rahmah, (4) Itsar, (5)Pemaaf dan (6) Berani.

Konsep taqwa di dalam kehidupan insan mempunyai dua komponen yang berbeza, iaitu, kerohanian dan tanggungjawab. Kerohanian mempunyai tiga dimensi, iaitu, Iman, ritual dan taubat. Tanggungjawab pula mempunyai enam dimensi, iaitu, kawalan emosi, sedekah, kemaafan, integriti, kesabaran dan keadilan (Mohsen, 2007).

Pemimpin berwibawa sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT. Amal ibadah yang berterusan perlu dilakukan untuk mencapai martabat hati yang sejahtera atau “qalibun salim”. Manakala persepektif spiritualiti yang sejahtera pula ialah melihat kepada keperibadian manusia atau pemimpin yang dikatakan telah mencapai spiritual yang sejahtera (Hawwa, 1998).

Penyelidikan ini mengkaji ciri-ciri kepimpinan Islam, dan apakah hubungannya terhadap komitmen organisasi. Untuk mencapai matlamat organisasi, pemimpin turut berperanan merangka serta menjalankan pelan pembangunan organisasi. Ciri-ciri pemimpin merupakan nadi dalam organisasi untuk mencapai sesuatu matlamat organisasi sekaligus meningkatkan komitmen pekerja(Neck & Milliman, 1994).

Pernyataan Masalah

Amalan kepimpinan yang biasa diperkenalkan oleh para sarjana barat sesuai untuk kebanyakan negara, termasuk banyak negara Islam. Entah bagaimana, Orang Islam mengabaikan teori kepemimpinan berdasarkan pandangan Islam. Sebenarnya ciri-ciri kepimpinan Islam telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW dan empat pemimpin terkemuka khalifa Ar Rashiddin yang telah mentadbir negara berdasarkan pemerintahan Islam selama 50 tahun (611M–661M). Berdasarkan prinsip keadilan Islam semua rakyat dilindungi, dilayan,

dibimbing, diwakili dan diinspirasi oleh pemimpin mereka sepanjang tempoh tersebut. Ini adalah konsep dan contoh kepemimpinan Islam terbaik berpandukan dari Al-Quran dan Sunnah yang mesti diberikan perhatian khusus oleh semua umat Islam di seluruh dunia (Rafiki, 2020a) Untuk mencapai ciri-ciri kepemimpinan Islam di dalam urusan pentadbiran organisasi sekolah pula peribadi seorang pengetua hendaklah teguh dan mantap untuk mengetuai kepemimpinan sekolah sesuai dengan falsafah pendidikan Islam yang bersumberkan daripada Al Quran dan As Sunnah Rasulullah SAW. Terdapat beberapa definisi utama tentang kepemimpinan. Definisi yang paling menepati maksud ialah kepemimpinan merupakan keupayaan, kehendak, atau kemampuan untuk mendapatkan hasil daripada orang melalui pujukan atau pengaruh untuk mencapai tujuan bersama. Selama bertahun-tahun, kita dapati bahawa paradigma kepemimpinan terus berkembang, dengan konsep masa lalu yang dianalisis semula manakala perspektif baru pula telah diperkenalkan. Pada zaman kontemporari karismatik, transaksional, teori transformasi, dan kepemimpinan hamba (*Servant Leadership*) sedang dibincangkan secara meluas, para serjana mutakhir ini memberi fokus yang lebih terperinci terhadap dimensi etika dan moral kepemimpinan (Mir, 2010).

Menurut pandangan Islam, kepemimpinan mesti dilihat dari perspektif misi duniawi yang mesti dipenuhi oleh setiap muslim. Secara umumnya, pemimpin bekerja secara berpasukan untuk kesejahteraan masyarakat melalui seruan amar ma'aruf dan mencegah semua kemungkaran (Mir, 2010)

Fungsi pengurusan pula merangkumi perancangan, organisasi, motivasi dan kawalan. Oleh itu tugas utama dalam peranan kepemimpinan adalah mempengaruhi orang lain mencapai matlamat yang telah ditentukan, ringkasnya ia merupakan suatu keghairahan matlamat. Pemimpin yang baik ada ketikanya juga boleh menjadi pengurus yang tidak baik, pada masa tersebut keberkesanannya boleh menurun sehingga ke tahap paling bawah. Menurut Islam, pemimpin merupakan ahli sebuah pasukan yang telah diberikan suatu jawatan, maka dengan jawatan itulah beliau akan menunaikan amanah dan tanggungjawab mengetuai organisasi tersebut untuk mencapai matlamat organisasi dengan cemerlang. Pemimpin akan memimpin sekumpulan manusia yang dapat mempengaruhi matlamat dan objektif moral. Kemampuan pemimpin dan prestasi memimpin akan menjadi contoh dan panduan bagi nilai etika di dalam budaya organisasi kepada perubahan anjakan budaya organisasi kontemporari (Gazi, 2020)

Secara prinsipnya umat Islam sentiasa mendapat petunjuk dari Al-Quran di dalam semua aspek kehidupan. Mereka berusaha mengikuti sunnah Rasulullah SAW, yang memberikan panduan serta dicontohi oleh semua umat Islam. Firman Allah SWT di dalam Al-Quran yang bermaksud “ Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah SWT dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah SWT banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”

Terjemahan Surah Al Ahzab ayat 21

Islam menyedari bahawa setiap individu mempunyai potensi untuk memimpin dan memikul amanah kepemimpinan, bermula dari menjadi pemimpin rakyat sehinggalah menjadi pemimpin solat di dalam komuniti atau organisasi berdasarkan Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW serta khalifah Ar Rasyidun (Mir, 2010).

Ciri-ciri Islamik yang dimiliki pengetua merupakan kekuatan dan dorongan dalaman untuk memimpin sekolah mencapai objektif yang disasarkan. Imej sekolah perlu dipelihara supaya

masyarakat berpuashati dengan mutu perkhidmatan yang diberikan sesuai dengan pembiayaan yang ditanggung oleh mereka. Masyarakat yakin bahawa kepimpinan merupakan satu kaedah pengislahan dan mereka akan menilai apa yang dapat dilihat dari manifestasi seorang pemimpin itu. Pengetua sekolah mesti memiliki ciri-ciri kepimpinan seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, kerana ia amat berkait rapat dengan produktiviti serta komitmen organisasi. Segala perubahan sifat dan sikap yang diterjemahkan merupakan impak daripada penghayatan kepada ciri-ciri kepimpinan Rasulullah SAW yang telah sebatikan dalam jiwa malah setiap perbuatan yang dilakukan adalah berdasarkan ketakwaan kepada Allah SWT. Ketaatan manusia bergantung kepada peranan hati yang memandu manusia melakukan sesuatu perkara (S. K. Mohd Zin & Mohammad, 2017).

Komitmen organisasi pula ditentukan oleh banyak faktor di dalam pengurusan sekolah. Di antara faktor penentu utama ialah amalan kepimpinan, di mana setiap tingkah laku pemimpin akan mempengaruhi komitmen pengikutnya. Oleh itu, di dalam apa jua tindakan yang diambil oleh seorang pengetua sekolah ianya akan memberi impak kepada guru melalui tindakannya di dalam bilik darjah. Perkara ini akan memberi kesan tidak langsung terhadap pencapaian pelajar. Oleh itu, pengetua perlu menjadi pemimpin yang memberi contoh dan ikutan yang baik kepada guru di dalam pengajaran, dan juga kehidupan (Leithwood & Jantzi, 2013).

Objektif Kajian

1. Menenalpasti tahap komitmen organisasi sekolah.
2. Menenalpasti tahap ciri-ciri kepimpinan Islam pengetua.
3. Menilai hubungan ciri-ciri kepimpinan Islam pengetua dengan komitmen organisasi.

Ulasan Karya

Kepimpinan dalam Islam merupakan satu proses membimbing dan memberi motivasi kepada pengikut atau ahli organisasi, dalam usaha untuk mencapai tujuan yang jelas dan visi bersama diredai Allah SWT (Firdaus, 2012).

Kepimpinan menurut Islam berteraskan konsep khalifah iaitu setiap manusia adalah pemimpin yang bertanggungjawab memimpin dirinya, keluarga dan ahli-ahli di bawahnya:

“Kamu sekalian adalah pemimpin dan kamu akan ditanya tentang rakyat yang dipimpinmu”.
(Hadis Riwayat Bukhari Muslim 1528).

Oleh itu untuk memimpin sebuah sekolah terdapat beberapa perkara yang menjadi cabaran kepada pengetuanya. Pertamanya ialah komitmen organisasi, keduanya ialah ciri-ciri kepimpinannya, iaitu sejauh manakah kepimpinannya menepati kehendak Al Quran dan sunnah Rasulullah SAW yang akan dapat membantu beliau memimpin sekolah mencapai tahap komitmen yang tinggi.

Pemimpin yang baik juga harus dapat menerima kritik dari kakitangan bawahannya. Ada sebuah Hadis yang bermaksud:

Jika Allah SWT bermaksud menjadikan seorang pemimpin yang berhasil maka, Allah SWT akan menjadikan para pembantunya itu terdiri dari orang-orang yang baik”

(Terjemahan Hadis Riwayat An Nasa’i)

Yang dimaksudkan dengan para pembantunya adalah orang-orang yang baik, bermakna orang bawahan akan mendukungnya, namun jika seorang pemimpin melakukan tindakan yang tidak

baik, maka orang bawahan akan menegurnya. Demikianlah pentingnya mekanisma tausiyah, mekanisma saling memperbaiki dan menasehati. Ciri seterusnya adalah pemimpin yang selalu bermusyawarah. Seorang pemimpin selain harus sedia menerima dan mendapatkan tausiyah atau kritikan, pemimpin yang berjaya juga selalu bermusyawarah. Musyawarah ini bermakna saling bertukar pendapat dan pemikiran. Jika musyawarah berjalan dengan baik di dalam pengurusan maka akan wujud unsur penghargaan yang tersirat dari seorang pemimpin untuk menerima maklumbalas dan cadangan-cadangan dari kakitangan bawahan. Ini memberikan petanda positif untuk sebuah kepemimpinan Islam. Pemimpin yang baik adalah pemimpin yang disayangi oleh orang bawahannya. Sekiranya organisasi dipimpin oleh pemimpin yang disayangi oleh orang bawahannya, maka organisasinya akan beroperasi dengan cekap dan lancar (F et al., 2020).

Kepemimpinan Islam juga merujuk kepada "proses sosial di mana pemimpin berusaha untuk mendapatkan sokongan pihak berkepentingan yang berkaitan, terutama pengikut, sambil sepenuhnya mematuhi ajaran dan prinsip Islam untuk mencapai tujuan organisasi." Islam pada asasnya juga adalah agama moral, yang menekankan akhlak. Al-Quran adalah sumber utama bagi umat Islam untuk memperoleh prinsip kepemimpinan. Umat Islam mesti mengambil Nabi Muhammad SAW sebagai model kepemimpinan dan juga khalifah yang bijaksana menjadi pemimpin Muslim setelah kewafatan Rasulullah SAW iaitu kepemimpinan khulafah Ar Rasyidun iaitu Abu Bakar, Umar, Usman, dan Ali. (Abbas & Tan, 2019).

Pemimpin berwibawa sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT. Amal ibadah yang berterusan perlu dilakukan untuk mencapai martabat hati yang sejahtera atau "qalibun salim". Manakala ciri-ciri kepemimpinan Islam pula ialah melihat kepada keperibadian pemimpin yang dikatakan telah memiliki sifat-sifat kepimpinan cemerlang seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW (Hawwa, 1998).

Hawwa (1998) mengariskan beberapa amalan yang perlu dilakukan oleh setiap individu yang untuk meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT. Beliau menegaskan di antara ciri-ciri pemimpin yang baik ialah mempunyai hati yang sejahtera (qalibun salim) ia memerlukan seorang pemimpin itu melakukan mujahadah. Hawwa(1998) menukulkan untuk memiliki hati yang sejahtera adalah bermula dari keimanan kepada Allah SWT dan keesaannya, dan bahawa Muhammad SAW adalah pesuruh Allah. Seterusnya pemimpin wajib memelihara solat lima waktu sehari semalam, berpuasa di bulan Ramadhan, menunaikan zakat apabila cukup haul dan tempohnya, melaksanakan haji apabila telah tiba waktunya dan berkemampuan untuk melaksanakannya. Seterusnya seorang pemimpin mesti menambah amalan-amalan sunat, seperti solat sunat, sedekah, puasa, haji, doa-doa, zikir, membaca al-Quran, qiamulail dan ibadah sunnah yang lain. Ulwan (1990) menyatakan bahawa enam ciri-ciri kepimpinan yang menghasilkan pemimpin cemerlang iaitu (1) Taqwa, (2) Ukhuwah, (3) Rahmah, (4) Itsar, (5)Pemaaf dan (6) Berani.

Taqwa Dan Pengertiannya

Taqwa menurut Ulwan (1990) adalah merujuk kepada perasaan keimanan yang mendalam, yang berhubung rapat dengan muraqabah (penjagaan diri) terhadap Allah SWT. Khasiyah atau takut kepada Allah daripada kemurkaan dan siksaanNya, serta pengharapan untuk memperoleh keampunannya dan ganjaranNya. Taqwa juga menurut Ulwan. (1990) merupakan sumber kepada sifat-sifat yang mulia seorang pemimpin, dan merupakan alat yang berkesan dalam mencegah manusia daripada melakukan kejahatan, dosa dan maksiat. Taqwa juga akan

mendorong pemimpin tersebut berperibadi dengan akhlak yang mulia dan bebas daripada akhlak yang buruk.

Sifat taqwa amat penting bagi pemimpin Islam. Taqwa disebutkan sebanyak 257 di dalam Al-Quran. Taqwa adalah rasa tanggungjawab yang mendalam kepada diri sendiri terhadap Allah SWT. Allah SWT berfirman:

" Kitab Al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "Al-Qur'an" yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya."

(Terjemahan Surah Al-Baqarah:2-5)

Ciri-ciri pemimpin yang bertaqwa menurut Al-Qur'an ialah beriman kepada yang ghaib, mendirikan shalat, beriman kepada kitab-kitab Allah, meyakini adanya akhirat, beriman kepada para malaikat, para nabi; mengeluarkan zakat, menepati janji, sabar, berinfak di waktu lapang atau sempit, menahan amarah, pemaaf, berpuasa di bulan ramadhan, tidak tergoda keindahan duniawi, selalu berbuat kebajikan, sentiasa bertaubat kepada Allah SWT, selalu mengingati Allah SWT, memohon keampunan terhadap dosa-dosa, bersabar saat diuji dengan harta dan dirinya, menjadikan akhirat sebagai matlamat hidup, menyebarkan dakwah, menutup aurat, berdzikir ketika ditimpa kebimbangan, menyuruh keluarga menunaikan solat, tidak sombong, tidak berbuat kerosakan, menjaga pandangan dan kata-kata dalam berbicara., menyatakan kebenaran dan membenarkannya, menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan keji, dan selalu mengambil pelajaran dari Al-Qur'an (Sahin, 2018)

Ukhuwah Dan Pengertiannya

Seterusnya ciri-ciri kepimpinan menurut Ulwan (1990) adalah ukhuwah atau persaudaraan. Ikatan persaudaraan menurut Ulwan (1990) akan menimbulkan perasaan belas kasihan, cinta-kasih, dan penghormatan diri dengan setiap orang yang terikat dengan dirinya. Contoh ikatan adalah ikatan iman dan taqwa, ikatan kekeluargaan dan ikatan kemanusiaan. Perasaan persaudaraan ini akan membuatkan dalam diri pemimpin untuk sentiasa saling bantu-membantu, tolong-menolong, berperasaan rahmah, berusaha untuk menjauhkan segala kemudaratan daripada manusia serta berusaha untuk sentiasa mendatangkan kebaikan kepada semua manusia (Ulwan, 1990).

Di antara ciri-ciri ukhuwah ialah saling kenal, memahami antara insan, mentaati perintah Allah dan Rasulullah SAW, berjihad di jalan Allah dan berkorban, serta bersyukur atas nikmat iman. *"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal."*

(Terjemahan Surah Al Hujurat : 13)

Salah satu sunnatullah bahwa Allah SWT menciptakan manusia itu berkelompok-kelompok di dalam kehidupan. Pada zaman Rasulullah SAW kita mengenal istilah kabilah (suku), iaitu ikatan kelompok yang dipersatukan oleh ikatan nasab (keturunan). Di zaman kehidupan moden

sekarang pun kita masih menjumpai banyak kelompok masyarakat yang dipersatukan oleh pelbagai agama, etnik, ras, bangsa, suku, dan sebagainya. Oleh itu Al-Qur'an menegaskan, jangan kerana perbezaan kumpulan dan etnik membawa kepada perpecahan. Sesungguhnya matlamat kejadian insan di takdirkan berkelompok bukanlah untuk mewujudkan pertelagahan, pertengkaran dan pergaduhan kerana perbezaan tersebut, tetapi tujuan sebenarnya adalah agar sesama insan itu saling mengenal dan memahami antara satu sama lain. Di dalam artikata yang lain perbezaan itu hendaklah menjurus kepada wawasan untuk menyelami dan memahami keadaan kelompok lain yang berbeza dengan kelompok sendiri (Mohamad Daud, 2009).

Sifat Rahmah Dan Pengertiannya

Ciri-ciri kepimpinan Islam yang berikutnya menurut Ulwan (1990) adalah memiliki sifat rahmah. Rahmah adalah bermakna perasaan lembut di dalam hati, tanda penuh ingatan dan naluri yang sentiasa bertujuan untuk berbelas kasihan kepada manusia, dan sentiasa berusaha untuk menjauhkan diri daripada jenayah, serta menjadi sumber segala kebaikan, kebajikan dan sumber keamanan untuk seluruh manusia (Ulwan, 1990).

Sifat rahmah merupakan suatu fitrah yang amat bernilai dalam diri manusia. Ia adalah suatu aktiviti mental yang rasional dan munasabah. Sifat rahmah ini dapat menjamin kesejahteraan masyarakat. Kesediaan mengambil berat, memberi perhatian, tolong-menolong, bertolak ansur dan menjaga kebajikan adalah antara ciri-ciri penting untuk melahirkan pemimpin cemerlang. Di antara ciri-ciri sifat rahmah ialah mempunyai sifat empati, jiwa bersih, kawalan diri, rasa hormat, kebaikan hati, toleransi, dan keadilan (S. M. Mohd Zin & Mohd Zahri, 2018).

Di dalam Islam, kepimpinan adalah satu kedudukan mulia yang boleh menyelesaikan masalah manusia dan membimbing mereka kepada kebaikan kekal di sini dan akhirat. Pemimpin adalah seseorang yang membimbing dan memimpin para pengikut menjadi manusiawi. Memberi keutamaan atas kebajikan manusia, Islam mendedahkan kepimpinan sebagai kontrak psikologi di antara pemimpin dan pengikut-pengikutnya di mana pemimpin akan cuba yang terbaik untuk membimbing, melindungi dan melayan mereka dengan adil dan saksama (Monjur, 2015).

Definisi komitmen pula telah diutarakan oleh pelbagai pengkaji. Di antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Guzley, Araki., & Chalmers, (1998) memberikan definisi komitmen mengikut pandangan masyarakat Amerika yang merangkumi empat perkara iaitu (1) dedikasi yang digambarkan sebagai kesetiaan dan kegigihan seseorang dari segi ide dan tujuan untuk kumpulan dan organisasi. (2) kewajipan iaitu tanggungjawab yang dikongsi bersama secara berkumpulan atau individu. (3) integriti iaitu sifat keutuhan terhadap nilai-nilai hidup yang baik seperti kejujuran, kesetiaan dan amanah. (4) keazaman iaitu tingkah laku seperti pengorbanan dan usaha gigih yang berterusan. Menurut Guzley et al (1998) pula komitmen boleh dilihat dengan memberikan kesan positif untuk organisasi dan sanggup berkorban untuk mencapai matlamat organisasi. Sikap setia pemimpin kepada organisasi akan membuatkan pekerja turut setia dan komited terhadap organisasi (Coleman, 2000). Oleh itu pemimpin di setiap organisasi bertanggungjawab memimpin pekerja ke arah matlamat yang jelas dan membantu meningkatkan komitmen pekerja terhadap organisasi.

Komitmen organisasi juga merujuk kepada hasil akhir sosialisasi yang dikehendaki di mana pekerja menjadi komited terhadap matlamat organisasi secara keseluruhan (Cruz, 2013). Menurut Blau & Boal, (1987) seperti yang dipetik dalam Vandenberghe (2011)

komitmen organisasi ialah tahap di mana pekerja sebuah organisasi komited dengan matlamatnya serta pekerja ingin kekal bersama organisasi itu.

Dalam konteks kepimpinan di sekolah, pengetua harus memiliki ciri-ciri kepimpinan yang baik berdasarkan contoh Rasulullah SAW sebagai kayu ukur untuk menilai mutu kepemimpinan beliau sesuai dengan kepimpinan insan, membina upaya kepimpinan guru, meningkatkan persefahaman guru, membangun budaya ilmu, dan mengurus program pengajaran. Pengurusan atasan harus mempertimbangkan personaliti pengetua sebagai salah satu faktor yang boleh membawa komitmen organisasi yang lebih baik.

Sorotan karya menunjukkan bahawa ciri-ciri kepimpinan Islam berdasarkan Al Quran dan komitmen perlu diambil serius di dalam sesebuah organisasi. Komitmen terhadap pekerjaan ialah reaksi atau hasil tindak balas positif seseorang pekerja terhadap gaya kepimpinan yang dilaksanakan oleh pemimpin sesebuah organisasi. Sikap setia pemimpin kepada organisasi akan membuatkan pekerja turut setia dan komited terhadap organisasi (Coleman & Glover, 2010). Oleh itu pemimpin di setiap organisasi bertanggungjawab memimpin pekerja ke arah matlamat yang jelas dan membantu meningkatkan komitmen guru-guru terhadap organisasi. Selain dari menyediakan keperluan dan kehendak pekerja, ciri-ciri kepimpinan haruslah bersesuaian dengan situasi pekerja. Jika kedua-dua perkara itu diberikan perhatian serius oleh pemimpin sudah pasti akan terhasil komitmen tinggi dari guru-guru terhadap sekolah (Keskes, 2014).

Fry & Matherly (2016) juga menyatakan bahawa ciri-ciri kepimpinan yang kuat akan dapat menyumbang secara positif terhadap komitmen organisasi, penghasilan produktiviti, dan kepuasan kerja dalam kalangan pemimpin dan ahli organisasi. Menurut Martinko & Gardner (1987) ada empat jenis hubungan pemimpin yang boleh diterima oleh pekerja iaitu (1) pemimpin berupaya untuk mengawal pekerja secara professional, (2) kemahiran berkomunikasi dengan baik, (3) bertindak matang dalam menyelesaikan masalah dan (4) mempunyai personaliti yang menyenangkan seperti bersikap hormat menghormati, mesra, produktif dan dinamik. Oleh itu pemimpin organisasi mesti memiliki kesemua kebolehan tersebut. Perbincangan tentang teori kepimpinan Islam mendapati bahawa tokoh-tokoh sarjana Islam telah sepakat bahawa kepimpinan Islam amat berkait rapat dengan komitmen kerja, tugas dan tanggungjawab (Arifin, Taufiq, Juharyanto, & Mustiningsih, 2018)

Manakala komitmen organisasi pula memainkan peranan penting dalam kualiti kerja untuk memastikan kecemerlangan pekerja di dalam organisasi. Komitmen adalah sikap dan perlakuan untuk bekerja kuat, pengekatan dan kesetiaan dalam sesebuah organisasi, penerimaan dan kepercayaan terhadap matlamat organisasi, penglibatan dan penyertaan dalam pekerjaan, ikatan emosi dan identifikasi terhadap organisasi yang membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi. Ini akan menjadikan seseorang yang komited akan bekerja dengan tekun, berusaha dengan giat dan gigih berjuang untuk mencapai cita-cita. Selain itu, pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi lebih cenderung untuk menghasilkan kerja yang berkualiti seterusnya memberi kesan kepada kecemerlangan organisasi (Woznyj, Heggstad, Kennerly, & Yap, 2019)

Hasil daripada ulasan karya yang dibincangkan, pengkaji merumuskan bahawa ciri-ciri kepimpinan Islam dan komitmen organisasi menjadi isu penting yang boleh dibincangkan dan mempunyai kaitan dengan fungsi pendidikan.


Sekolah Menengah Al Ikram

Sekolah Menengah Al Ikram merupakan sekolah agama swasta yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dan Bahagian Pendidikan Swasta Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah ini bernaung di bawah badan bukan kerajaan Pertubuhan IKRAM Malaysia. Fasal penubuhan sekolah, polisi, kurikulum ini ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Sekolah. Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1999 bermula di sebuah banglo. Sebagai sebuah sekolah agama swasta, sekolah ini beroperasi dengan sumber kewangan sendiri melalui sumbangan ibu bapa, orang awam, badan bukan kerajaan dan juga dari ahli lembaga tadbir sendiri. Kajian dijalankan di sini untuk melihat sejauh mana pengetua sekolah agama swasta berfungsi dengan melihat kepada aspek ciri-ciri kepimpinan Islam terhadap komitmen. Oleh kerana telah banyak kajian-kajian berkenaan kepimpinan Islam telah dilakukan di sekolah-sekolah kerajaan maka adalah menjadi keperluan juga untuk dijalankan kajian di sekolah agama swasta bagi melihat sejauh mana hubungan ciri-ciri kepimpinan Islam terhadap komitmen organisasi. Beroperasi melalui dana sendiri maka kajian terhadap kedua-dua pemboleh ubah menarik perhatian pengkaji untuk mengetahui sejauh mana hubungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut (A. R. Mohamad, 2019)

Teori Kerangka Kajian

Teori Kerangka kajian dibentuk berdasarkan pandangan Abdullah Nasih Ulwan (1990) yang menyatakan bahawa enam hasil daripada pendidikan spiritual akan menghasilkan manusia yang mempunyai lima ciri iaitu (1) bertaqwa, (2) ukhuwah, (3) rahmah, (4) itsar, (5) pemaaf dan (6) berani. Di dalam kajian ini hanya 3 ciri-ciri kepimpinan dikaji untuk melihat kesannya terhadap komitmen organisasi. Rujuk Rajah 1.

Rajah 1: Hubungan Antara Ciri-Ciri Kepimpinan Islam dengan Komitmen Organisasi



Berdasarkan teori kerangka kajian yang dikemukakan, berikut merupakan hipotesis yang diuji dalam kajian ini.

H1: Amalan Ciri-Ciri Kepimpinan Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen organisasi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data diperolehi melalui borang soal selidik yang di edarkan kepada responden iaitu guru-guru dari SMI Al-Ikram. Soal selidik ini diubahsuai berdasarkan ciri-ciri kepimpinan Islam yang dinyatakan di dalam buku pendidikan Anak-Anak Dalam Islam (A. M. Mohamad, 2013; Ulwan, 1990). Untuk tujuan kajian ini pengkaji telah membuat sedikit perubahan untuk disesuaikan dengan keperluan sekolah. Manakala alat pengukur bagi komitmen terhadap organisasi pula diadaptasi daripada

'Organizational Commitment Questionnaires' (OQC) oleh Mowday, Porter dan Steers (1979) yang mengandungi 22 soalan (Mowday, Steers, & Porter, 1979).

Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis deskriptif responden skor min yang diperolehi adalah seperti di dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Analisis Deskriptif Ciri-Ciri kepimpinan Islam

Pemboleh ubah	Responden	Min	Tahap
Taqwa	57	3.5307	Sederhana
Ukhuwwah	59	3.8008	Tinggi
Rahmah	59	3.3819	Sederhana
Komitmen	57	3.2703	Rendah

Ukhuwwah menunjukkan min skor paling tinggi iaitu 3.8008. walaubagaimanapun secara keseluruhan jumlah ketiga-tiga dimensi iaitu taqwa, ukhuwwah dan rahmah hanya menunjukkan min skor yang sederhana. Manakala pemboleh ubah komitmen pula menunjukkan min skor paling rendah. Ini menunjukkan bahawa pengetua mempunyai tahap ukhuwwah yang tinggi di kalangan guru-guru.

Jadual 2: Ringkasan Analisis Korelasi Pearson

Analisa Korelasi		Taqwa	Ukhuwwah	Rahmah	Komitmen
Taqwa	Pearson	1	.553**	.625**	.466**
	Correlation				
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000
	N	57	56	56	54
Ukhuwwah	Pearson	.553**	1	.783**	.595**
	Correlation				
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000
	N	56	59	59	57
Rahmah	Pearson	.625**	.783**	1	.659**
	Correlation				
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000
	N	56	59	59	57
Komitmen	Pearson	.466**	.595**	.659**	1
	Correlation				
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	
	N	54	57	57	57

** . Korelasi adalah signifikan pada aras keertian 0.01

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan amalan taqwa (0.466), ukhuwwah (0.595) dan rahmah (0.659) secara signifikan mempunyai korelasi yang positif dengan komitmen terhadap organisasi. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana (antara ± 0.41 hingga ± 0.70) di antara taqwa, ukhuwwah dan rahmah terhadap komitmen. Ini menjelaskan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar rahmah mempunyai korelasi tertinggi terhadap komitmen

organisasi dalam kalangan guru-guru sekolah SMI Al-Ikram. Berdasarkan analisis korelasi pearson ini dapat dirumuskan Hipotesis 1 (H₁) adalah diterima.

Ujian Ketekalan		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha berdasarkan item piawai	N (bilangan Items)
.928	.972	61

Berdasarkan ujian ketekalan nilai Cronbach Alpha ialah .928 dan diterima.

Perbincangan Dan Cadangan

Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara amalan taqwa, ukhuwwah dan rahmah terhadap komitmen organisasi di sekolah SMI Al-Ikram. Keputusan menunjukkan pengetua mempunyai sifat taqwa, ukhuwwah dan rahmah. Pengetua menggunakan pendekatan sebagai murabbi di dalam memimpin.. Penemuan ini selaras dengan Norhidayah (2014) yang menyatakan dari segi hubungan antara ciri-ciri amalan kepimpinan Islam dengan komitmen organisasi.

Pengetua hendaklah memiliki ketiga-tiga sifat ini supaya wujud hubungan mantap dengan Allah SWT seterusnya guru yang dipimpin dapat meningkatkan komitmen dalam organisasi (Othman, Zaidi, & Nik Nadian Nisa, 2018) Antara ciri-ciri kepimpinan Islam ialah memelihara solat, berpuasa, bertaubat, tilawah dan menitik beratkan pelaksanaan usrah, kuliah fardhu ain serta majlis ilmu. Dapatan kajian menunjukkan sifat rahmah pengetua mendapat skor yang paling tinggi. Pengetua boleh membina hubungan baik dengan pelbagai cara seperti meraikan guru-guru, meluangkan masa untuk bersantai dan bersukan dengan staf, atau selalu mengadakan pertemuan dengan guru-guru.

Sifat rahmah pengetua dengan guru-guru hendaklah berasaskan kepercayaan (Spendlove, 2007). Pengetua yang menjaga kebajikan akan meningkatkan komitmen guru-guru untuk bekerja dengan lebih baik lagi (Boyatzis, 2011) Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian Cheng (1994) di mana aktiviti di institusi pendidikan pada umumnya dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran manakala sokongan ke arah tersebut dilakukan melalui pelbagai program. Penerapan pengurusan rahmah dan berhemah perlu dipertingkatkan bagi menjamin integriti dan modal insan dalam kepimpinan dan pengurusan sekolah (Cheng, 1994) Ciri-ciri kepemimpinan Islam di dalam pendidikan perlu ada amaliah dalam lingkungannya menerapkan rasa kasih sayang kepada semua elemen masyarakat dan dunia pendidikan. Tunjukkanlah sifat rahman dan rahim, sebagaimana Allah memiliki sifat rahman dan rahim terhadap makhluk-Nya dengan penuh kasih sayang, karena seorang pemimpin apalagi pemimpin pendidikan menjadi suri tauladan bagi guru-guru, pelajar dan masyarakat. Pengetua berwibawa mempunyai tahap ukhuwwah yang tinggi, mempunyai kesedaran sosial, serius dalam mencapai matlamat, mengamalkan akhlak yang baik serta memahami persekitaran institusi sekolah (Rahmawati, 2017).

Sehubungan dengan itu juga, dapatan ini menyokong hasil kajian yang telah dijalankan oleh Abd.Rahman, Yahaya, & Hassan (2010) iaitu keberkesanan pemimpin adalah bergantung kepada fizikal dan spiritual secara bersepadu, keperibadian, akhlak mulia, kemahiran, ilmu pengetahuan dan komitmen yang tinggi untuk menjadi seorang pemimpin yang berwibawa.

Kewibawaan yang dimiliki akan membantu seseorang pemimpin itu dalam memimpin keluarga, masyarakat, dan negara dengan lebih berkesan dan sempurna. Kewibawaan merupakan satu asas penting yang membolehkan seseorang pemimpin mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta memupuk motivasi guru-guru dalam melaksanakan amanah sebagai pengetua (Abd.Rahman et al., 2010).

Ahli lembaga pentadbir sekolah harus berusaha untuk membangunkan program, kursus dan latihan yang dapat membina kerohanian insan supaya pengurusan dan pelajar akan lebih fokus terhadap matlamat dan halatuju sekolah. Program, kursus dan latihan tersebut mestilah mampu membangkitkan kesedaran terhadap matlamat dan tujuan mereka berada di sekolah seterusnya masing-masing akan dapat bekerja ke arah satu objektif yang sama untuk mencapai kecemerlangan.

Kajian ini lebih menfokuskan kepada sekolah agama swasta. Oleh itu, kajian ini mungkin tidak dapat menjelaskan dengan lebih terperinci ciri-ciri kepimpinan Islam di sektor pendidikan lain yang mempunyai kumpulan atau 'business nature' yang berbeza. Adalah dicadangkan ahli lembaga pengarah sekolah untuk mengadakan program pembangunan kepimpinan yang dapat meningkatkan elemen-elemen kepimpinan Islam didalam meningkatkan kualiti pengurusan sekolah.

Rujukan

- Abbas, D., & Tan, C. (2019). Transformational Islamic Leadership: A Case Study From Singapore. *Global Perspectives on Teaching and Learning Paths in Islamic Education*, (August), 76–91. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-8528-2.ch005>
- Abd.Rahman, R. R. R., Yahaya, A., & Hassan, M. sallah. (2010). Peranan Komunikasi Kepemimpinan Diri Dan Organisasi Dalam Perspektif Islam. *Psychology Journal*, (September), 1–15.
- Alabed, M. (2017). Exploring the Islamic Principles on Leadership and its Implementation between Muslim Leaders in Sweden. Retrieved from <http://publications.lib.chalmers.se/records/fulltext/251649/251649.pdf%0Ahttp://studenta.rbeten.chalmers.se/publication/251649-exploring-the-islamic-principles-on-leadership-and-its-implementation-between-muslim-leaders-in-swed>
- Arifin, I., Taufiq, A., Juharyanto, & Mustiningsih. (2018). Islamic Crash Course as a Leadership Strategy of School Principals in Strengthening School Organizational Culture, (5). <https://doi.org/10.1177/2158244018799849>
- Blau, G., & Boal, K. (1987). Conceptualizing How Job Involvement and Organizational Commitment Affect Turnover and Absenteeism. *Academy of Management Review*, 12(2), 288–300. <https://doi.org/10.5465/AMR.1987.4307844>
- Boyatzis, R. E. (2011). Managerial and Leadership Competencies : A Behavioral Approach to Emotional , Social and Cognitive Intelligence *. *The Journal of Management Development*, 28(9), 749–770. <https://doi.org/10.1177/097226291101500202>
- Cheng, Y. C. (1994). Teacher Leadership Style: A Classroom-level Study. *Journal of Educational Administration*, Vol. 32(No. 3.), 1994, pp. 54–71.
- Coleman, M., & Glover, D. (2010). *Educational Leadership and Management*. McGraw-Hill. Berkshire: McGraw Hill. <https://doi.org/10.18848/1447-9494/cgp/v15i05/45742>
- Cruz, A. P. S. (2013). *High Commitment High Performance*. *Journal of Chemical Information and Modeling* (Vol. 53). <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- F, M. C., A, M. A., Wijokongko, D., & Al-, M. F. (2020). Kategori Kepemimpinan dalam Islam,

- 1(2), 171–189.
- Firdaus, F. S. (2012). Pembinaan Instrumen Kepimpinan Islam Untuk Pengurusan Kualiti.
- Fry, L. W., & Matherly, L. L. (2016). Spiritual Leadership and Organizational Performance: An Exploratory Study. *Psychology Journal*, 9752, 325–336. https://doi.org/10.1007/978-3-319-39399-5_31
- Gazi, A. I. (2020). Islamic Perspective of Leadership in Management ; Foundation , Traits and Principles. *International Journal of Management and Accounting*, 2(1), 1–9.
- Guzley, R. M., Araki, F., & Chalmers, L. E. (1998). Cross - cultural perspectives of commitment: Individualism and collectivism as a framework for conceptualization. *Southern Communication Journal*, 64:1(October 2014), 37–41. <https://doi.org/10.1080/10417949809373114>
- Hawwa, S. (1998). *Mensucikan Jiwa Konsep Tazkiyatun-nafs Terhadap Intisari Ihya' Ulumuddin Al-Ghazali*. Robbani Press.
- Keskes, I. (2014). Relationship between leadership styles and dimensions of employee organizational commitment: A critical review and discussion of future directions. *Intangible Capital*, 10(1), 26–51. <https://doi.org/10.3926/ic.476>
- Leithwood, K., & Jantzi, D. (2013). The effects of transformational leadership on organizational conditions and student engagement with school. *Educational Management: Major Themes in Education*, 3, 94–112. <https://doi.org/10.4324/9780203463383>
- Mahyuddin, M. (2018). Kepimpinan Berdasarkan Kecerdasan Hati Dalam Islam. *Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah*, 1(November), 1–8. <https://doi.org/10.5281/zenodo.1148965>
- Mir, A. M. (2010). Leadership in Islam. *Journal Of Leadership Studies*, 4(3), 69–72. <https://doi.org/10.1002/jls>
- Mohamad, A. M. (2013). *Amalan Kepimpinan Islam Pengetua dan Perkaitannya Terhadap Atribut Komuniti Pembelajaran Profesional. Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan dan Pentadbiran)*.
- Mohamad, A. R. (2019). Pusat Pendidikan Al-Ikram. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Mohamad Daud, M. Z. (2009). Petunjuk-Petunjuk Keadilan Sosial. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 22, 117–138.
- Mohd Zin, S. K., & Mohammad, A. M. (2017). Elemen kerohanian Melalui Kepimpinan Islam Dalam Organisasi Pendidikan Menjana Pembangunan Ummah. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017)*, 2017(November), 1–12. Retrieved from <http://ocs.uthm.edu.my/uthmocr/index.php/hsp/article/view/138>
- Mohd Zin, S. M., & Mohd Zahri, N. A. (2018). Analisis tematik kalimah al-rahmah di dalam al- quran. In *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues in Al Quran And Hadith (THIQAH 2018)* (Vol. Mac, pp. 373–381).
- Mohsen, N. R. M. (2007). *Leadership From The Quran Relationship Between Taqwa, Trust And Business Leadership Effectiveness*. University Science Malaysia.
- Monjur, M. (2015). Characteristics of Leadership: Islamic perspective. *Journal of Management*, (June 2010).
- Mowday, R. T., Steers, R. M., & Porter, L. W. (1979). The Measurement of Organizational Commitment : A Progress Report. *University of Oregon, Technical Report*, 15, 1–46.
- Neck, C. P., & Milliman, J. (1994). Thought Self-leadership: Finding Spiritual Fulfilment in Organizational Life. *Journal of Managerial Psychology*, 9(6), 9–16. <https://doi.org/10.1108/02683949410070151>
- Othman, K., Zaidi, N., & Nik Nadian Nisa, N. N. (2018). Meningkatkan Prestasi Kerja Di Organisasi. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 15(October), 81–92.

- Rafiki, A. (2020a). Islamic Leadership : Comparisons and Qualities. *Digital Leadership - A New Leadership Style for the 21st Century*, 0–16.
- Rafiki, A. (2020b). Islamic Leadership: Comparisons and Qualities. *Digital Leadership - A New Leadership Style for the 21st Century Transformational*.
- Rahmawati, Y. T. N. (2017). Tinjauan Sakralitas Kepimpinan Pendidikan dalam perspektif Al Quran. *CENDEKIA: Jurnal Studi Keislaman*, 3(Nomor 1).
- Sahin, A. (2018). Critical Issues in Islamic Education Studies : Rethinking Islamic and Western Liberal Secular. *Religions MDPI*, 335–29. <https://doi.org/10.3390/rel9110335>
- Shah, S. (2016). *Education, Leadership and Islam, Theories, discourses and practices from an Islamic perspective*. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Spendlove, M. (2007). Competencies for effective leadership in higher education. *International Journal of Educational Management*, 21(5), 407–417. <https://doi.org/10.1108/09513540710760183>
- Ulwan, A. N. (1990). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam Jilid Satu*.
- Vandenbergh, C. (2011). Workplace spirituality and organizational commitment: An integrative model. *Journal of Management, Spirituality and Religion*, 8(3), 211–232. <https://doi.org/10.1080/14766086.2011.599146>
- Woznyj, H. M., Heggestad, E. D., Kennerly, S., & Yap, T. L. (2019). Climate and organizational performance in long-term care facilities: The role of affective commitment. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 92(1), 122–143. <https://doi.org/10.1111/joop.12235>
- Zainudin, N. H. (2014). Hubungan Antara Kepimpinan Islam dan Komitmen Kerja Pensyarah: Kajian Di Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah. *Tesis*.